

Salah guna peraturan

Mahathir selar

811 - 4 SEP 1990

negara maju

Oleh JAILANI HARUN

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini menyelar beberapa negara maju yang menyalahgunakan peraturan mengenai ciri-ciri keselamatan barangan negara membangun, semata-mata untuk kepentingan ekonomi mereka sendiri.

Beliau berkata, gred keselamatan yang berbeza di kalangan negara maju juga adalah faktor yang menyebabkan negara membangun sukar menembusi pasaran Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun.

Bercakap dalam sidang akhbarinya selepas merasmikan Persidangan Asia kali pertama mengenai Keselamatan Makanan, di sini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata apa yang sepatutnya ditekankan oleh semua negara ialah memastikan semua makanan selamat dimakan dan bukannya dari mana-mana datang.

"Kita sekarang menghadapi masalah standard keselamatan yang berbeza antara negara. Ada negara sanggup terima standard yang disyaratkan oleh negara lain

manakala sebahagian lagi mengamalkan standard yang lebih tinggi.

"Kadang-kadang standard itu tidak ada kaitan dengan kebersihan atau keselamatan makanan, sebaliknya mempunyai sebab ekonomi.

"Inilah masalah kita. Dunia patut ada satu standard yang serupa bagi barangan makanan kerana semua manusia perlu diselamatkan daripada bahaya memakan makanan yang tidak selamat," katanya.

Perdana Menteri berkata, Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun mengamalkan dasar gred yang berasingan sehinggakan Malaysia adakalanya sukar mengeksport hasil makanannya ke negara berkenaan.

"Misalnya eksport pisang ke Jepun. Kalau mereka dapati ada bintik hitam pada kulitnya, ia tidak akan diterima," katanya.

Beliau berkata, sikap sedemikian menjejaskan eksport negara ini, seperti yang berlaku kepada minyak tropika.

"Mereka anggap minyak itu bahaya dan menyebabkan sakit jantung. Sebenarnya ialah lebih berbentuk sekatan ekonomi ke atas negara lain, dalam usaha memelihara

ekonomi mereka sendiri.

"Ini kerana keburukan minyak tropika tidak dapat dibuktikan manakala penggunaannya di negara terbabit begitu kecil.

"Jadi, jelaslah bahawa negara lain menggunakan motif ini untuk kepentingan ekonomi mereka sendiri. Ia juga mungkin untuk menjaga keselamatan, tetapi jika cara itu digunakan untuk ekonomi dan perniagaan khususnya, ini satu penyalahgunaan undang-undang mengenai gred (labeling)," katanya.

Mengenai eksport nanas, beliau berkata suatu ketika dahulu Jepun menolak import nanas dalam bentuk ketulan kiub.

Bagaimanapun, selepas beberapa perbincangan, eksport nanas dalam bentuk itu sudah diterima secara meluas di negara berkenaan.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan bahawa walaupun kadar pertumbuhan makanan ialah 2.6 peratus setahun, iaitu lebih sedikit daripada kadar kelahiran, banyak negara miskin masih menghadapi kebuluran dan penyakit.